

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN CHUA TIAN CHANG @ TIAN CHUA
(BATU)**

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. TUAN CHUA TIAN CHANG @ TIAN CHUA [BATU] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah ia satu keperluan yang mustahak untuk pihak MAS membeli beberapa pesawat baru? Pesawat jenis apakah yang akan dibeli? Sila senaraikan perbandingan harga belian, kos penyelenggaraan dan kos operasi berbanding pesawat yang sedia ada?

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, selaras dengan rangka kerja di bawah Pelan Pemulihan MAS (PPM) yang sedang dilaksanakan oleh Khazanah Nasional Berhad (Khazanah) mulai 29 Ogos 2014, Malaysia Airlines Berhad (MAB) akan mengembang-kan operasinya ke laluan-

laluan baharu di Eropah dan beberapa destinasi di Amerika Syarikat. Oleh yang demikian, MAB memerlukan pesawat yang lebih luas (*wide-body*) seperti pesawat Boeing 737 MAX 10 yang akan menguntungkan syarikat penerbangan tersebut dengan kos tempat duduk paling murah dalam kelasnya. Pesawat Boeing 787-9 Dreamliner pula bersifat *flexible* dimana ia berupaya melakukan penerbangan jarak jauh bagi tempoh di antara 5 hingga 7 jam atau 7 hingga 13 jam. Pesawat-pesawat ini mempunyai kecanggihan daripada segi teknologi dengan ciri-ciri terkini dan amat efisien daripada segi penggunaan minyak dan bahan api yang dapat menjimat dan meminimalkan kos operasi syarikat.

Keputusan untuk membeli pesawat tambahan ini adalah selaras dengan keperluan bagi pertumbuhan pesat MAB khususnya bagi penerbangan antarabangsa. Di bawah pelan penggantian pesawat-pesawat baharu, cadangan pembelian 8 buah pesawat Boeing 737 MAX 8 dan 8 buah pesawat Boeing 787-9 Dreamliner pada tahun 2017 dibuat berdasarkan keperluan operasi syarikat. Perjanjian yang ditandatangani di Amerika Syarikat di antara pihak MAB dan The Boeing Company (Boeing) ini merupakan *non-binding Memorandum of Understanding* (MOU) dan memerlukan rundingan lanjut sebelum sebarang keputusan dimuktamadkan. MOU berkenaan merupakan satu platform rundingan yang baik kepada MAB sebelum sebarang

keputusan mengenai pembelian pesawat dibuat oleh syarikat. Jumlah keseluruhan kos bagi pembelian 8 buah pesawat Boeing 737 MAX 8 dan 8 buah pesawat Boeing 787-9 Dreamliner ini (termasuk program penyelenggaraan) adalah dianggarkan berjumlah USD3.9 bilion. Walau bagaimanapun, kos sebenar akan dimuktamadkan semasa proses rundingan kelak.